

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN LIM KIT SIANG
[ISKANDAR PUTERI]**

TARIKH : **30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

SOALAN

YB Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan Ordinan Darurat yang diwartakan dalam tempoh proklamasi darurat sebelum ini, sama ada masih berkuat kuasa atau tidak dan jika ya, sehingga bila.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa Proklamasi Darurat 2021 [*P.U. (A) 7/2021*] (“Proklamasi Darurat 2021”) sedang berkuat kuasa mulai 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021, Yang di-Pertuan Agong (“YDPA”) telah memasyhurkan tujuh (7) ordinan darurat selaras dengan Perkara 150(2B) Perlembagaan Persekutuan (“PP”) seperti yang berikut:

- (a) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [*P.U. (A) 12/2021*];
- (b) Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 76/2021*];

SOALAN NO : 47

- (c) Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja) (Pindaan) 2021 [P.U. (A) 77/2021];
- (d) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No.2) 2021 [P.U. (A) 110/2021];
- (e) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Pindaan) 2021 [P.U. (A) 151/2021];
- (f) Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah) (Pindaan) 2021 [P.U. (A) 173/2021]; dan
- (g) Ordinan Darurat (Kumpulan Wang Amanah Negara) (Pindaan) 2021 [P.U. (A) 186/2021].

Ordinan-ordinan Darurat di atas secara bersama dirujuk sebagai “Ordinan Darurat 2021”.

Ordinan Darurat 2021 berkuat kuasa sehingga dibatalkan, diumumkan atau terhenti berkuat kuasa mengikut kedudukan undang-undang seperti yang berikut:

- (a) dibatalkan oleh YDPA mengikut Perkara 150(3) PP semasa Proklamasi Darurat 2021 sedang berkuat kuasa;
- (b) diumumkan melalui suatu ketetapan yang diluluskan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen mengikut Perkara 150(3) PP; atau
- (c) terhenti berkuat kuasa mengikut Perkara 150(7) PP setelah habis tempoh enam (6) bulan Proklamasi Darurat 2021 terhenti berkuat kuasa iaitu mulai 2 Februari 2022,

mengikut mana-mana yang terdahulu.

YAB Perdana Menteri dalam kenyataan media bertarikh

SOALAN NO : 47

3 Ogos 2021 memaklumkan proses pembatalan Ordinan Darurat 2021 oleh YDPA sepertimana yang disembah nasihat oleh Jemaah Menteri pada 23 Julai 2021 tidak dapat disempurnakan.

Sehubungan dengan itu, memandangkan Proklamasi Darurat 2021 [P.U.(A) 7/2021] (“Proklamasi Darurat 2021”) telah terhenti berkuat kuasa pada 2 Ogos 2021, maka YDPA tidak lagi diperuntukkan dengan kuasa untuk membatalkan Ordinan Darurat 2021 di bawah Perkara 150(3) PP.

Kaedah lain untuk membatalkan Ordinan Darurat 2021 adalah melalui proses pengungkapan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen mengikut Perkara 150(3) PP.

Bagi tujuan mengungkapkan Ordinan Darurat 2021 oleh Majlis Parlimen mengikut Perkara 150(3) PP, **ketetapan untuk mengungkapkan Ordinan Darurat 2021 hendaklah diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen.**

Setakat Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, diperhatikan **tiada apa-apa ketetapan berhubung dengan pengungkapan mana-mana Ordinan Darurat 2021 telah diluluskan oleh Majlis Parlimen.**

Sehubungan dengan itu, Ordinan Darurat 2021 masih berkuat kuasa sehingga diungkapkan melalui ketetapan yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen.

Namun begitu, sekiranya Parlimen tidak mengungkap Ordinan Darurat 2021 di bawah Perkara 150(3) PP, Perkara 150(7) PP memperuntukkan Ordinan Darurat 2021 hanya akan terhenti berkuat kuasa setelah habis tempoh enam (6) bulan Proklamasi Darurat 2021 tamat (*grace period*) iaitu mulai 2 Februari 2022.

Selain itu, walaupun Ordinan Darurat 2021 masih berkuat kuasa sehingga diungkapkan oleh Parlimen di bawah Perkara 150(3) PP atau sehingga habis tempoh enam (6) bulan *grace period* di bawah Perkara 150(7) PP, bagi peruntukan Ordinan Darurat 2021 yang mempunyai

SOALAN NO : 47

ungkapan “*Bagi tempoh darurat berkuat kuasa*” (*For so long as the emergency is in force*), peruntukan tersebut berkuat kuasa selama jangka hayat Proklamasi Darurat 2021 berkuat kuasa memandangkan peruntukan-peruntukan berkenaan berkait rapat dengan hak-hak yang termaktub dalam PP dan perkara-perkara yang asas kepada hak asasi manusia serta sesuatu negara yang mengamalkan sistem demokrasi, dan kewujudan peruntukan-peruntukan berkenaan selepas darurat tamat berkuat kuasa adalah sukar untuk dibela atau diberi justifikasi.

Dalam hal ini, memandangkan Proklamasi Darurat 2021 telahpun terhenti berkuat kuasa pada 2 Ogos 2021, maka peruntukan Ordinan Darurat 2021 yang mempunyai ungkapan “*Bagi tempoh darurat berkuat kuasa*” juga telah terhenti berkuat kuasa pada 2 Ogos 2021.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
(PADANG SERAI)

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan isu yang berkaitan dengan pembelian 10 buah helikopter tempur ringan MD530G yang telah ditempah tempoh hari. Sudahkah helikopter tersebut tiba atau tidak. Mohon berikan penjelasan.

JAWAPAN

Tentera Darat Malaysia (TDM) telah memohon perolehan system *Armed/Attack Helicopter* sejak RMK-9 tetapi ditangguhkan kerana kekangan kewangan pada masa tersebut. TDM memohon semula perolehan ini dalam RMK-10 sebagai salah satu projek utama tetapi tidak diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi (UPE) kerana tiada peruntukan. Berlanjutan dengan itu, TDM telahpun mendaftarkan semula perolehan *Multipurpose Armed Reconnaissance Helicopter* pada RMK-11.

Sejurus kelulusan telah diperolehi semasa RMK-11, TDM telah memajukan permohonan perolehan 6 buah helikopter tersebut.

Status kesiapan 6 buah helikopter pada masa kini adalah 100% siap dan boleh melaksanakan penerbangan. Helikopter tersebut kini berada di premis *Original Equipment Manufacturer* (OEM) di Mesa Arizona, Amerika Syarikat. Status terperinci adalah seperti berikut:

BIL	PESAWAT	PERATUS SIAP	CATATAN
1	267FG	100%	Flyable
2	268FG	100%	Flyable
3	271FG	100%	Flyable
4	272FG	100%	Flyable
5	273FG	100%	Flyable
6	274FG	100%	Flyable

Untuk makluman YB, proses perolehan helikopter tersebut, kini berada pada fasa yang terakhir iaitu proses penerimaan. Kementerian Pertahanan telah melaksanakan beberapa aktiviti penerimaan bagi 6 buah Helikopter Multipurpose Armed Reconnaissance Model MD530G bagi kegunaan TDM di premis *Original Equipment Manufacturer* (OEM) MD Helicopter Inc (MDHI), Mesa, Arizona, Amerika Syarikat.

Aktiviti penerimaan adalah merangkumi latihan bagi juruterbang dan juruteknik Tentera Darat, proses pensijilan *Type Certificate* (TC) oleh *Directorate General Technical Airworthiness* (DGTA) dan aktiviti *Pre-Delivery Inspection* (PDI) oleh wakil Kerajaan.

Aktiviti Latihan bagi juruterbang dan juruteknik Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) terbahagi kepada dua kumpulan.

- Aktiviti Latihan bagi kumpulan pertama bermula pada 26 April 2021 hingga 8 Jun 2021 bagi program latihan juruterbang dan 10 Mei 2021 hingga 8 Jun 2021 bagi program latihan juruteknik.
- Manakala Aktiviti Latihan bagi Kumpulan Kedua pula dilaksanakan pada 21 Jun 2021 hingga 30 Julai 2021 bagi program latihan juruterbang dan 19 Julai 2021 hingga 13 Ogos 2021 bagi program latihan juruteknik.

Manakala lawatan pemeriksaan bagi pensijilan helikopter oleh DGTA di MDHI Arizona, USA pula dilakukan pada 17 Mei 2021 hingga 18 Jun 2021. Pemeriksaan Sebelum Penghantaran (PDI) di premis OEM telah dilaksanakan oleh wakil Kementerian pada 14 Jun 2021 hingga 13 Julai 2021.

NO SOALAN : 47

Hasil pemeriksaan oleh Tim PDI pada 14 Jun hingga 13 Julai 2021 mendapati bahawa terdapat beberapa peralatan kritikal dan perisian penting yang perlu diberi perhatian khusus dan ditingkatkan agar pengoperasian helikopter MD530G dapat digunakan dengan lebih efisien dan berkesan apabila helikopter ini diterima masuk ke dalam inventori ATM.

Pihak syarikat telah dimaklumkan untuk mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dan diminta untuk memaklumkan kepada Kementerian Pertahanan mengenai tempoh masa pematuhan spesifikasi yang perlu diambil dan PDI kali kedua. Kementerian Pertahanan telah dimaklumkan oleh syarikat bahawa PDI kali kedua dijangka akan dilaksanakan pada 22 November 2021. Jangkaan masa penghantaran 6 buah helikopter MD530G adalah bergantung kepada kejayaan PDI kali kedua ini.

Terima kasih.